



سيارن اخبار  
PRESS RELEASE

KEMENTERIAN KESIHATAN • Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam.  
Tel: 2381640 samb./ext. 7734 • Faks/Fax: 2383016 • E-mel/E-mail: prohealth@brunet.bn

SIARAN AKHBAR 

**KENYATAAN MEDIA**  
**PENGURANGAN LANGKAH-LANGKAH PENJARAKAN**  
**SOSIAL YANG DIAMBIL**  
**BERIKUTAN SITUASI COVID-19**  
**DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**21 Syawal 1441 / 13 Jun 2020**

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Sabtu, 21 Syawal 1441H bersamaan 13 Jun 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 141 orang** manakala **jumlah kes yang telah sembuh ialah seramai 138 orang.**
2. Pada masa ini, hanya **seorang pesakit** masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan. Beliau masih dalam keadaan kritikal dan memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)* dan mesin pernafasan. Marilah kita sama-sama mendoakan semoga Allah Subhanahu Wa Ta' Ala memberikan kesihatan yang sepenuhnya kepada beliau. Aamiin Aamiin Ya Rabbal Alamin.

3. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 268 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 24,399 ujian.

4. Seterusnya, mengambilkira situasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang pada masa ini adalah dalam keadaan yang terkawal, maka pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai **tambahan** pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial yang akan bermula pada **hari Isnin, 23 Syawal 1441H bersamaan dengan 15 Jun 2020** seperti berikut:

4.1. Memulakan aktiviti-aktiviti baru ke tahap pertama (level 1) iaitu bagi,

- Pusat aktiviti warga emas
- Muzium, galeri dan perpustakaan
- Kafe internet (*internet cafe*)

4.2. Membenarkan aktiviti-aktiviti dinaikkan daripada tahap pertama ke tahap kedua seperti berikut,

- Masjid-masjid, surau-sarau dan balai-balai ibadat

- Sekolah memandu
- *Gyms and fitness centres*
- Fasiliti sukan *indoor* dan *outdoor*
- Padang golf
- Restoran, kafe dan *food courts*
- Gerai dan pasar

4.3. Penerangan mengenai syarat-syarat pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial bagi pusat aktiviti warga emas; muzium, galeri dan perpustakaan; *gyms and fitness centres*; fasiliti sukan *indoor* dan *outdoor*; dan padang golf akan disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selepas ini.

4.4. Manakala, syarat-syarat pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial bagi aktiviti-aktiviti selebihnya adalah seperti berikut,

i) Bagi aktiviti-aktiviti yang dinaikkan dari tahap pertama ke tahap kedua ialah,

4.4.1. Masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat akan dibukakan kepada jemaah bagi menunaikan Sembahyang Fardhu Jumaat dan Sembahyang Fardhu Lima Waktu iaitu hanya untuk menunaikan

Ibadah Sembahyang sahaja. Ini juga termasuk bagi semua surau di kompleks membeli belah dan surau-surau yang lain yang mana ini akan bermula pada waktu Suboh, Hari Isnin, 23 Syawal 1441 Hijrah bersamaan 15 Jun 2020 Masehi.

Tatacara bagi menunaikan Sembahyang Fardhu Jumaat adalah masih sama seperti sebelumnya. Walau bagaimanapun, bagi menunaikan Sembahyang Fardhu Lima Waktu, setiap jemaah perlu mengimbas **Kod QR** setiap kali hendak memasuki masjid.

Perlaksanaan bagi mengendalikan Sembahyang Fardhu Jumaat dan Sembahyang Fardhu Lima Waktu adalah seperti berikut:

- Penjarakan fizikal dan sosial, penggunaan Aplikasi BruHealth dan pengimbasan Kod QR.
- Pemeriksaan suhu badan sebelum masuk akan dilakukan dan para jemaah adalah dinasihatkan memakai penutup hidung dan mulut serta

hendaklah membawa sejadah sendiri dan mensanitasi tangan sebelum masuk masjid.

- Perempuan dan kanak-kanak di bawah umur 15 tahun adalah masih ditegah untuk menghadiri Sembahyang Fardhu Jumaat akan tetapi dibenarkan untuk menunaikan Sembahyang fardhu Lima Waktu.
- Bagi Sembahyang Fardhu Lima Waktu di masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara, individu yang memiliki kod pendaftaran **berwarna kuning** adalah dibenarkan.

4.4.2. Bagi sekolah memandu, kelas bersaiz kecil boleh diadakan pada kadar 60% dari kapasiti biasa pada satu-satu masa. Syarat-syarat lain adalah dikekalkan sebagaimana arahan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

4.4.3. Bagi restoran, kafe dan *food courts* pula dibenarkan untuk beroperasi pada kadar 60% dari kapasiti

biasa pada satu-satu masa, manakala gerai dan pasar yang menyediakan kemudahan *dine-in* dibenarkan untuk dibukakan untuk menampung 75% dari kapasiti *dine-in* biasa pada satu-satu masa. Syarat-syarat lain adalah dikekalkan sebagaimana arahan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

- ii) Bagi aktiviti yang baru dibenarkan iaitu kafe internet (*internet cafe*) adalah dibenarkan untuk mula beroperasi pada kadar 30% dari kadar kapasiti biasa pada satu-satu masa mengikut arahan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

4.5. Para pengunjung ke premis-premis yang disebutkan di atas hendaklah mematuhi arahan dan garis panduan penjarakan sosial yang dikeluarkan oleh kementerian-kementerian yang berkenaan dan sesiapa yang mempunyai tanda-tanda jangkitan hendaklah melakukan tanggungjawab sosial masing-masing dengan tidak menghadirkan diri di premis-premis tersebut.

5. Kementerian Kesihatan juga ingin mengingatkan bahawa orang ramai adalah dikehendaki untuk mematuhi segala peraturan dan arahan yang

berkaitan dengan pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial tersebut. Sesiapa yang didapati melanggar atau ingkar akan mana-mana arahan yang telah dikeluarkan maka ianya adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggagal 204) yang mana jika didapati bersalah boleh membawa denda sehingga \$10,000 atau penjara sehingga tempoh 6 bulan atau kedua-duanya sekali. Kementerian ini tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap sesiapa yang tidak mematuhi arahan-arahan yang telah dikeluarkan.

6. Kementerian Kesihatan akan terus memantau situasi wabak di dalam negara serta di peringkat serantau dan global serta melaksanakan penilaian risiko secara berterusan bagi mempertimbangkan pengurangan langkah-langkah seterusnya. Jika situasi wabak kembali membimbangkan, Kementerian Kesihatan tidak akan teragak-agak untuk memperketatkan semula langkah-langkah penjarakan sosial yang perlu dilaksanakan untuk mengawal wabak tersebut. Kementerian Kesihatan akan memaklumkan kepada orang ramai mengenai sebarang perubahan mengenai situasi ini, jika perlu dari masa ke masa.
7. Berikutan makluman mengenai **BruHealth App**, Alhamdulillah setakat ini seramai **375,052 ahli** telah mendaftar ke dalam applikasi tersebut. Bagi **syarikat dan premis pula sejumlah 7,438** telah mendaftar

kepada applikasi BruHealth. Manakala, **sebanyak 2,437 premis perniagaan** telah memuat turun applikasi **premiseScan**. Sehubungan dengan applikasi premiseScan ini, semua premis-premis adalah dinasihatkan untuk memuat turun applikasi tersebut bagi memudahkan pengimbasan kod QR terutama sekali kepada orang ramai yang tidak mempunyai telefon bimbit untuk masuk ke premis berkenaan.

8. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui applikasi **healthinfo.gov.bn**.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 21 Syawal 1441H / 13 Jun 2020